

KAJIAN ETNOGRAFI TERHADAP KONSEP JIWA DALAM KEPERCAYAAN ORANG TEMIAR

*(ETHNOGRAPHIC RESEARCH ON THE CONCEPT OF SOUL
IN TEMIAR'S BELIEF)*

Amir Ahmad, Hamid Mohd Isa dan Mokhtar Saidin

Abstrak

Orang Temiar merupakan salah satu suku kaum masyarakat Orang Asli yang terdapat di Semenanjung Malaysia. Masyarakat ini mempunyai keunikan kebudayaan mereka yang tersendiri iaitu sama ada yang bercirikan budaya material ataupun non material yang seringkali bersifat abstrak, metafizik dan non empirikal. Dari segi kepercayaan, secara umumnya mereka merupakan masyarakat yang berpegang kepada kepercayaan yang berkonsepkan animisme yang diwarisi daripada leluhur nenek moyang mereka. Animisme merupakan suatu konsep kepercayaan yang mempercayai dan menyakini bahawa semua kehidupan semulajadi sama ada manusia, tumbuhan, binatang dan lainnya adalah mempunyai jiwa. Maka dengan itu, makalah ini akan membincangkan tentang konsep jiwa dalam kepercayaan masyarakat Temiar. Konsep jiwa ini memberikan pengaruh yang besar dalam perjalanan kehidupan mereka bahkan sehingga juga di alam selepas kematian. Dapatan kajian ini telah diperoleh menerusi kajian lapangan yang dilakukan ke atas masyarakat Temiar yang menjalani kehidupan di Pos Kuala Mu, Lasah, Sungai Siput, Perak. Kaedah kajian etnografi telah diaplikasikan dengan melibatkan kaedah temu bual berstruktur, temu bual mendalam, rakaman audio visual, pemerhatian dan penyertaan turut serta. Hasil kajian mendapati bahawa konsep jiwa masyarakat Temiar boleh dibahagikan kepada jiwa manusia dan jiwa bukan manusia. Jiwa manusia adalah jiwa yang dimiliki oleh seseorang individu yang terdiri daripada empat jenis jiwa iaitu jiwa kepala yang dipanggil *ruwai*, jiwa hati atau *jerek*, jiwa mata atau *kenlok mat* dan jiwa bayang atau *wog*. Manakala bagi jiwa bukan manusia pula, ia dimiliki oleh haiwan dan tumbuhan yang dipanggil sebagai *kahyek* bagi jiwa kepala dan *kenarok* bagi jiwa hati serta gunung yang dipanggil sebagai *puteri* bagi jiwa kepala dan *sarak* bagi jiwa hatinya. Perbincangannya melibatkan tentang pandangan masyarakat Temiar terhadap setiap jiwa ini dan cara mereka berhubung dan menanggapi konsep jiwa ini dalam kehidupan seharian mereka.

Kata kunci: Orang Temiar, Kepercayaan, Animisme, Jiwa.

Abstract

Orang Temiar is one of the Orang Asli's tribes in Malaysia Peninsular. They possess a unique culture that consists of material culture and non-material culture. From belief aspect, they believe in animism which is inheritance from their ancestors. Animism is the belief concept that believes all the natural creatures possess a soul. So, this article discusses about the soul concept in Orang Temiar's belief. This soul concept gives a huge influence in their daily life until the life after world. Data in this research obtained through fieldwork research on

Orang Temiar settlements at Pos Kuala Mu, Lasah, Sungai Siput, Perak. Ethnography research was applied that includes of the structured interview, in-depth interview, audio visual recording, observation and participant research. Result findings shows the soul concept of Orang Temiar can be divided into human soul and non-human soul. Human soul is the soul that possess by the human which is consists of the four types soul; head soul or ruwai, heart soul or jerek, eye soul or kenlok mat and shadow soul or wog. While for the non-human soul, is the soul that possess by animal, plant and mountain. For the animal and plant, its soul called as kahyek for the head soul and kenarok for the heart soul. For the mountain, its soul called as puteri for the head soul and sarak for the heart soul. The discussion is consists about the world view of Orang Temiar on this soul concept and the way they interact with this soul in their daily life.


Keywords: *Orang Temiar, Belief, Animism, Soul*

Pengenalan


Orang Temiar merupakan salah satu kumpulan masyarakat Orang Asli Senoi yang terdapat di Semenanjung Malaysia. Pada masa lalu, masyarakat ini dirujuk dengan beberapa nama rujukan suku kaum seperti *Tembe, Tembeh, Tembi, Tembiri, Temeh, Temeok, Temer, Temia, Temiar, Temiau, Temioke, Timeor, Tumeor, Tumior, Tumiou, Tummeoer* dan *Tummior* (Benjamin 2012:211). Namun begitu, kesemua nama rujukan suku kaum ini adalah bersifat *exonym* iaitu berasal daripada rujukan nama yang diberikan oleh masyarakat luar ke atas sesuatu suku kaum lain. Sebaliknya, bagi masyarakat Temiar sendiri mereka lebih cenderung memanggil diri mereka sebagai *sen-oi* (Temu bual: Hamid B. Pandak, Kampung Bersah, Pos Kuala Mu, Lasah, Sungai Siput, Perak, 14 November 2014).

Masyarakat Temiar secara umumnya boleh ditemui di negeri Perak, Kelantan dan sejumlah kecilnya pula boleh ditemui di negeri Pahang iaitu di kawasan banjaran Titiwangsa yang terletak di Semenanjung Malaysia. Wilayah kepenghunaan masyarakat Temiar ini adalah meliputi sekitar dari kawasan selatan Cameron Highland hingga ke sempadan Negeri Sembilan. Di bahagian barat pula, masyarakat ini boleh ditemui sehingga ke utara manakala di bahagian timur di kawasan sekitar Ulu Kelantan.

Kajian ini telah dijalankan di salah satu penempatan masyarakat Temiar di negeri Perak yang dipanggil sebagai Pos Kuala Mu, Lasah, Sungai Siput, Perak. Ia terletak di salah sebuah negeri di pantai barat Semenanjung Malaysia. Lokasi kajian ini terletak di koordinat 4° 50.113' U 101° 19.908' T dengan ketinggian dari paras laut sekitar 684 meter (Peta 1) (Peta 2). Di Pos ini terdapat lima buah penempatan masyarakat Temiar iaitu Kampung Kuala Mu, Kampung Bersah, Kampung Toh, Kampung Gapeh Hilir dan Kampung Gapeh Ulu. Masyarakat di sini mendirikan penempatan mereka berdekatan dengan sungai yang dipanggil sebagai Sungai Pelus. Jumlah populasi masyarakat adalah sekitar 697 orang (Jadual 1). Daripada jumlah ini, 332 orang adalah golongan lelaki yakni sebanyak 48% dari populasi manakala selebihnya pula iaitu 365 orang pula adalah merupakan golongan perempuan iaitu sebanyak 52% daripada keseluruhan jumlah penduduk yang berada di Pos Kuala Mu. Jumlah isi rumahnya pula adalah sekitar 135 isi rumah. Hal ini secara tidak langsung menunjukkan bahawa populasi lelaki dan perempuan adalah agak seimbang daripada jumlah mengikut jantina. Dari segi pecahan mengikut jenis kepercayaan pula, 584 orang atau 84% adalah masih mengamalkan kepercayaan nenek moyang manakala selebihnya iaitu 113 orang atau 16% pula sudah memeluk agama Islam (Jadual 2).



Peta 1. Lokasi Pos Kuala Mu, Lasah, Sungai Siput, Perak.



Peta 2. Peta ketinggian Pos Kuala Mu, Lasah, Sungai Siput, Perak

Jadual 1. Populasi Orang Temiar di Pos Kuala Mu

NAMA KAMPUNG	JUMLAH PENDUDUK			JUMLAH ISIRUMAH
	LELAKI	PEREMPUAN	JUMLAH	
KUALA MU	73	98	171	28
GAPEH ULU	61	70	131	30
GAPEH HILIR	50	60	110	19
TOH	62	61	123	21
BERSAH	86	76	162	37
JUMLAH	332	365	697	135

Jadual 2. Pecahan Orang Temiar di Pos Kuala Mu mengikut jenis kepercayaan

NAMA KAMPUNG	JENIS KEPERCAYAAN	
	NENEK MOYANG	ISLAM
KUALA MU	106	65
GAPEH ULU	130	1
GAPEH HILIR	110	0
TOH	123	0
BERSAH	115	47
JUMLAH	584	113

Kepercayaan Animisme

Secara umumnya, kepercayaan boleh didefinisikan sebagai suatu bentuk keyakinan atau akuan akan benarnya atau adanya sesuatu perkara dan ianya juga merupakan sesuatu yang dipercayai dan diyakini semenjak turun temurun (Agus Aris 2007:4). Dalam aspek kepercayaan terdapat lima elemen yang berkaitan antara satu sama lain iaitu emosi kepercayaan, sistem kepercayaan, upacara ritual, peralatan ritual dan masyarakat yang memegang kepercayaan tersebut (Agus Aris 2007:4). Kepercayaan masyarakat Temiar adalah berkonsepkan kepercayaan animisme. Secara umumnya orang Temiar dan masyarakat Orang Asli lain mempunyai kepercayaan yang bercirikan kognat atau mempunyai persamaan antara satu sama lain iaitu mempunyai ciri pandangan budaya animisme yang hampir sama tetapi cuma berbeza dari sudut bentuk organisasi (Skeat 1900).

Dari segi eptimologinya, kata animisme ini berasal daripada perkataan latin iaitu *anima* yang bermaksud jiwa kehidupan (Lowie 1948:99). Konsep kepercayaan ini mempercayai bahawa setiap benda di bumi ini misalnya gunung, laut, hutan, gua atau tempat-tempat tertentu mempunyai jiwa yang mesti dihormati agar jiwa tersebut tidak mengganggu manusia bahkan dapat membantu manusia dalam kehidupan ini. Umumnya, animisme adalah suatu bentuk kepercayaan bahawa entiti bukan manusia juga mempunyai semangat dan jiwa (Evans-Pritchard 1965:24). Animisme merangkumi kepercayaan bahawa tidak terdapat pemisahan atau pengasingan antara semangat dan jiwa dengan dunia fizikal, wujudnya jiwa tidak hanya pada manusia tetapi juga pada semua haiwan, tumbuhan, batu batan, gunung, sungai dan entiti lain dari persekitaran semulajadi (Freud 1950:75).

Animisme merupakan suatu idea yang meliputi kehidupan dan alam semulajadi yakni suatu kepercayaan bahawa objek semulajadi lain selain manusia mempunyai jiwa (Tylor 1974:169). Manusia awal pada peringkat awal, menerusi hanya pemerhatian menganggap bahawa jiwa yang terdapat dalam diri mereka juga wujud di dalam ke semua fizikal yang hidup (Freud 1950:76). Manusia awal ini menyamakan jiwa dengan figura yang muncul di dalam mimpi dan khayalan (Dupre 1975:44). Budaya

manusia awal ini kemudiannya mengintrepretasi semangat dan jiwa ini muncul dan wujud dalam haiwan, tumbuhan dan malahan pada objek semulajadi lain dengan bentuk animisme (Dupre 1975:45). Kemudiannya, manusia awal ini berkembang untuk mempercayai bahawa jiwa dan semangat terdapat dalam kehidupan manusia dan mempersembahkan upacara ritual untuk memperdamaikannya (Tylor 1974:330). Meskipun berikutnya masyarakat umum kurang dan tidak lagi mempercayai animisme, namun tinggalan asas kepercayaan ini yang berkait dengan unsur jiwa, roh atau semangat masih terdapat dalam mana-mana kepercayaan agama lain dan ini menggambarkan bahawa perkembangan survival animisme sejak dari kemanusiaan awal (Dupre 1975:44). Menurut Tylor (1871), animisme merupakan asas kepercayaan bagi manusia primitif di dunia ini.

Dalam konsep animisme ini terdapat ciri kepercayaan yang boleh dikategorikan kepada empat bahagian iaitu *nature worship* yakni pemujaan kepada alam, *folish worship* yakni pemujaan kepada benda-benda, *animal worship* yakni pemujaan kepada binatang dan *ancestor worship* yakni pemujaan kepada roh nenek moyang (Agus Aris 2007:5).

Jiwa Manusia

Dalam kepercayaan orang Temiar, mereka mempercayai terdapat dua jenis jiwa iaitu jiwa manusia dan jiwa bukan manusia yang dimiliki oleh haiwan, tumbuhan dan gunung. Jiwa manusia ini pula terdiri daripada empat jiwa iaitu jiwa kepala atau *ruwai*, jiwa hati atau *jerek*, jiwa mata atau *kenlok mat* dan jiwa bayang atau *wog*. Jiwa kepala atau *ruwai* manusia adalah dipercayai terletak di kawasan akar rambut (Temu bual: Ngah B. Long, Kampung Toh, Pos Kuala Mu, Lasah, Sungai Siput, Perak, 20 November 2014). Atas sebab itu, mereka jarang membotakkan kepala bagi membolehkan *ruwai* mempunyai tempatnya di kepala manusia. Bagi kanak-kanak lelaki, apabila mereka memotong rambut, sedikit bahagian rambut akan ditinggalkan di bahagian hadapan kepala. Manakala bagi kanak-kanak perempuan, bahagian rambut berbentuk mahkota akan ditinggalkan di bahagian atas kepala (Foto 1). Tocang rambut ini dipanggil sebagai *woj* (Temu bual: Ismail B. Busu, Kampung Toh, Pos Kuala Mu, Lasah, Sungai Siput, Perak, 20 November 2014). *Ruwai* ini dipercayai berperanan dalam mengawal dan menentukan pemikiran manusia (Temu bual: Kulup B. Alang, Kampung Toh, Pos Kuala Mu, Lasah, Sungai Siput, Perak, 20 November 2014).



Foto 1. *Woj* pada bahagian rambut.

Selanjutnya, bagi orang Temiar, *ruwai* juga boleh meninggalkan jasad manusia. Perkara ini biasanya terjadi sewaktu seseorang itu sedang tidur. Roh atau *ruwai* manusia semasa melakukan pengembaraan jiwanya adalah berbentuk katak (Temu bual: M.Rafii B. Pandak, Kampung Kuala Mu, Pos Kuala Mu, Lasah, Sungai Siput, Perak, 18 April 2016). Apabila seseorang itu tidur, maka katak tersebut akan mengembara dan merayau. Apa yang tergambar dalam mimpi seseorang itu adalah tempat dan keadaan di mana katak tersebut sedang merayau dan mengembara. Apabila kita terjaga dari tidur, maka katak tersebut akan pulang semula ke dalam jasad manusia. *Ruwai* akan kembali ke akar rambut manakala katak tersebut akan berada di bahagian dada manusia. Katak ini dipanggil

sebagai *segnuk cangkai* yakni seekor katak putih kecil yang mempunyai saiz sekecil kutu babi (Temu bual: M.Rafii B. Pandak, Kampung Kuala Mu, Lasah, Sungai Siput, Perak, 18 April 2016).

Oleh sebab itu, seseorang yang sedang tidur tidak boleh dijagakan secara mengejut. Ia perlu dilakukan secara perlahan-lahan. Hal ini bagi memastikan agar *ruwai* sempat kembali ke akar rambut orang yang tidur sebelum sempat individu itu terjaga dari tidurnya. Perkara ini kerana, adakalanya *ruwai* melakukan pengembaraan yang jauh sewaktu meninggalkan jasad seseorang, oleh itu, jika seseorang itu dijagakan secara mengejut, dikhuatiri *ruwai* akan tersesat dalam pengembaraan pulangnya ke jasad orang yang tidur itu (Temu bual: Pandak B. Alang, Kampung Gapeh Hilir, Pos Kuala Mu, Lasah, Sungai Siput, Perak, 20 April 2016).

Disamping itu, *ruwai* individu yang bermimpi terutamanya *halak* kerap mengembara dan merayau untuk bertemu dengan pembimbing semangatnya atau *gonig* (Temu bual: M. Rafii B. Pandak, Kampung Kuala Mu, Pos Kuala Mu, Lasah, Sungai Siput, Perak, 18 April 2016). Bentuk hubungan dan pertemuan di dalam mimpi tersebut adalah diumpamakan seperti pertemuan ayah dan anaknya. *Gonig* menjelmakan dirinya sebagai anak kepada individu yang bermimpi (Jennings 1995:103). Kadangkalanya juga, bentuk hubungan tersebut adalah seperti guru dan anak murid. *Gonig* muncul sebagai guru yang akan mengajar *ruwai halak* tersebut tentang sesuatu yang baru untuk manfaat dirinya dan masyarakatnya (Jennings 1995:103).

Hal ini menunjukkan bahawa dari satu segi, pengembaraan *ruwai* sewaktu seseorang itu tidur boleh mendatangkan kebaikan meskipun ia melibatkan pelepasan jiwa atau kehilangan *ruwai* dari diri seseorang. Pengembaraan *ruwai* bertemu *gonig* ini akan memberikan pengetahuan baru kepada diri *halak* dan juga manfaat bersama masyarakatnya. Namun pelepasan *ruwai* dari diri seseorang itu tidak mendatangkan sebarang bahaya kerana ia tergantung pada *ruwai* seseorang individu itu. Bagi *halak*, ia dapat mengawal dan menguruskan *ruwai* dan *gonig* kerana pengetahuan, kemampuan dan pengalamannya (Temu bual: Hamid B. Pandak, Kampung Bersah, Pos Kuala Mu, Lasah, Sungai Siput, Perak, 22 April 2016). Ia hanya akan menjadi masalah, jika pelepasan *ruwai* itu adalah melibatkan golongan orang biasa yang tidak mempunyai pengetahuan dan pengalaman dalam menguruskan *ruwai*.

Selain menerusi mimpi, *ruwai* seseorang juga boleh meninggalkan tubuh badannya sewaktu seseorang itu dalam keadaan khayal (Jennings 1995:105). Jika pelepasan *ruwai* dalam keadaan begini, ia lazimnya berlaku sewaktu dalam upacara amal yang melibatkan tarian dan nyanyian dibawah pemantauan *halak*. *Halak* akan memantau agar *ruwai* seseorang yang dalam keadaan khayal tidak tersesat jauh dari tubuh badan seseorang sewaktu ia meninggalkan jasadnya dan melakukan pengembaraan jiwanya (Temu bual: Hamid B. Pandak, Kampung Bersah, Pos Kuala Mu, Lasah, Sungai Siput, Perak, 22 April 2016).

Selain itu, seseorang manusia tidak boleh hidup tanpa *ruwai*. *Ruwai* adalah elemen jiwa dan nyawa yang penting dalam kehidupan manusia. Ketiadaan *ruwai* dalam tempoh masa yang agak lama akan menyebabkan seseorang itu mengalami kesakitan yang dinamakan sebagai *reyway* iaitu penyakit disebabkan kehilangan ruwai (Temu bual: Sharudin B. Pandak, Kampung Bersah, Pos Kuala Mu, Lasah, Sungai Siput, Perak, 22 April 2016).

Menurut orang Temiar, jika seseorang itu ketiadaan *ruwai* selama tiga hari, maka ini boleh membawa seseorang itu kepada kematian. Antara petanda bahawa seseorang itu kehilangan *ruwai*nya adalah seperti sentiasa berasa mengantuk, hilang selera makan, tidur berpanjangan sehingga boleh mencapai tiga hari berturut-turut dan peringkat yang paling teruk apabila ia berada pada tahap yang sangat lemah dan berlaku kecelaruan pada dirinya (Temu bual: Sharudin B. Pandak, Kampung Bersah, Pos Kuala Mu, Lasah, Sungai Siput, Perak, 22 April 2016). Bagi menyembuhkan pesakit, maka rawatan perbomohan akan dilakukan oleh *halak* bagi mengelakkan pesakit dari terus tidur dan kemudiannya meninggal dunia. Namun begitu, tidak semua pesakit yang kehilangan *ruwai* akan mati. Ada sesetengahnya yang terus hidup tapi menjadi orang gila lantaran ketiadaan *ruwai* pada dirinya (Temu bual: Kulup B. Alang, Kampung Toh, Pos Kuala Mu, Lasah, Sungai Siput, Perak, 17 April 2016). Justeru itu, dapat difahami *ruwai* adalah penting sebagai kesinambungan dan kelangsungan hidup manusia.

Atas maksud itu juga, sebarang perkara yang menyebabkan perihal yang melibatkan kehilangan jiwa adalah diambil berat oleh orang Temiar. Penumpuan dan perhatian yang lebih akan diberikan terutamanya kepada kanak-kanak. Hal ini kerana, *rumai* juga boleh terlepas daripada tubuh badan seseorang tidak hanya menerusi mimpi, dicuri dan sewaktu proses berkhayal, tetapi juga boleh disebabkan kemalangan dan kecuaiian. Maka atas sebab itu, ibu bapa akan mengawasi anak-anak mereka disebabkan jiwa kepala bagi kanak-kanak adalah masih lemah dan masih lagi dalam proses pembentukan dan kekuatan (Jennings 1995:105). Pada peringkat ini juga, kanak-kanak ini bergantung pada kekuatan jiwa kepala ibu bapanya. Maka atas sebab itu, pelbagai perlindungan diberikan bagi menjaga jiwa kepala kanak-kanak antaranya seperti pengasingan di dalam rumah, menutup kepala bagi melindungi jiwa kepala, urutan dan penjagaan diet pemakanan (Jennings 1995:62). Ini semua selain menjaga jiwa kepala kanak-kanak adalah juga bertujuan untuk menguatkannya. Disamping itu, jika terdapat sebarang upacara amal yang melibatkan nyanyian dan tarian yang menjurus kepada situasi berkhayal, ibu bapa seringkali akan cuba menahan diri mereka sendiri dan juga anak-anak dari memasuki ruang khayalan tersebut demi menjaga dan melindungi *rumai* atau jiwa kepala anak-anak mereka yang masih lemah (Jennings 1995:108) (Foto 2). Bahkan disebabkan hal ini juga, *rumai* kepala kanak-kanak adalah mudah juga digoda dan dicuri oleh entiti lain misalnya *kahyék* yakni jiwa kepala tumbuhan (Temu bual: Ismail B. Busu, Kampung Toh, Pos Kuala Mu, Lasah, Sungai Siput, Perak, 25 April 2016).



Foto 2. Seorang ibu yang sedang menahan diri dan melindungi anaknya dari memasuki keadaan khayal

Berikutnya, unsur jiwa lain yang terdapat pada manusia adalah jiwa hati atau dipanggil sebagai *jerek*. *Jerek* berperanan untuk mengawal hati dan emosi manusia (Temu bual: M. Rafii B. Pandak, Kampung Kuala Mu, Pos Kuala Mu, Lasah, Sungai Siput, Perak, 18 April 2016). Ia juga mengawal keupayaan fungsi keseluruhan tubuh badan kerana ia berasosiasi dengan darah dan juga nafas manusia (Benjamin 2014:114). Ia menghuni di bahagian hati manusia yang dipanggil sebagai *hup*. Adakalanya ia turut dipanggil sebagai jiwa darah dan jiwa hempedu (Stewart 1947). Tidak seperti jiwa kepala yang boleh meninggalkan tubuh badan, tetapi bagi jiwa hati ia hanya berada di tubuh badan dan hanya meninggalkan tubuh badan apabila meninggal dunia. Disebabkan ia juga dikaitkan dengan pernafasan (*hanem*), maka gejala kesukaran bernafas (*na selood*) adalah menunjukkan petanda bahawa kesakitan pada bahagian *hup* ini (Jennings 1995:61). Kesakitan di bahagian *hup* boleh mengakibatkan seseorang itu kurang aktif dan tiada keinginan untuk melakukan sebarang perkara (Temu bual: Kulup B. Alang, Kampung Toh, Pos Kuala Mu, Lasah, Sungai Siput, Perak, 17 April 2016). Disamping itu, *jerek* orang awam tidak boleh meninggalkan jasad melainkan seseorang itu meninggal dunia tetapi berbeza pula dengan *halak* yang *jereknnya* boleh meninggalkan sewaktu ia masih hidup (Temu bual: Sharudin B. Pandak, Kampung Bersah, Pos Kuala Mu, Lasah, Sungai Siput, Perak, 22 April 2016).

Selanjutnya, jika terdapat darah yang meleleh tanpa dibersihkan, maka dipercayai ia akan bermetamorfosis menjadi harimau tanpa kepala yang dipanggil *kapej* (Jennings 1995:61). Begitu juga bagi *halak*, jika ia tersentuh darah haid mana-mana perempuan, maka dipercayai darah haid tersebut akan memasuki bahagian *hup*nya dan menyerang *jerekenya* sehingga bertukar menjadi harimau. Perkara ini adalah disebabkan *halak* tersebut telah diserang dengan penyakit *tenaruk* yang mana penyakit ini telah menyerang *jerekenya*. Hal ini juga boleh menyebabkan seseorang *halak* itu kehilangan pembimbing semangatnya (Temu bual: Hamid B. Pandak, Kampung Bersah, Pos Kuala Mu, Lasah, Sungai Siput, Perak, 22 April 2016). Harimau yang menyerang *hup* ini akan memakan *hup*, membuatnya sakit atau menyedut darahnya terutamanya pada waktu matahari terbit dan matahari terbenam.

Selain itu juga, terdapat entiti lain yang boleh menyerang *hup* jika langkah berjaga-jaga tidak diambil. Entiti tersebut adalah hantu air yang dipanggil sebagai *Bahyak* dan *Paad*. Kedua-duanya tinggal di kawasan berpasir di sungai. Ia mempunyai *tentakel* yang mana dengan menggunakan *tentakelnya* ia akan menyerang pinggang manusia dan seterusnya menjadi cecair dan memasuki tubuh manusia untuk memakan darah di *hup* manusia (Benjamin 1967:134). Ia biasanya aktif pada waktu awal pagi dan menjelang senja. *Bahyak* adalah lebih besar daripada *Paad*. *Paad* dalam bahasa Temiar adalah bermaksud 'menghisap sehingga kering' (Benjamin 1967:134). Dalam tradisi hubungan sosial Temiar, bagi yang melakukan perilaku sumbang mahram dipercayai *Paad* akan memasuki punggung orang tersebut dan menyerang *hup*nya untuk menghisap darahnya sehingga kering (Temu bual: Ngah B. Long, Kampung Toh, Pos Kuala Mu, Lasah, Sungai Siput, Perak, 17 April 2016).

Seterusnya, adalah jiwa mata atau disebut sebagai *kenlok mat*. Ia berada di bahagian bebola mata manusia. Ia berfungsi untuk memberi dan mengawal penglihatan manusia (Temu bual: M. Rafii B. Pandak, Kampung Kuala Mu, Pos Kuala Mu, Lasah, Sungai Siput, Perak, 18 April 2016). Selain itu, ia berfungsi untuk membolehkan manusia menggunakan tubuh badan dan kemahiran mereka secara seluruhnya (Benjamin 2014:116). Peringkat kemampuan yang paling tertinggi bagi seseorang menerusi *kenlok mat* adalah jika ia dapat menggunakannya untuk melihat perkara, makhluk atau alam ghaib (Temu bual: M. Rafii B. Pandak, Kampung Kuala Mu, Pos Kuala Mu, Lasah, Sungai Siput, Perak, 18 April 2016). Hal ini selalunya terjadi hanya pada *halak*.

Unsur jiwa manusia yang terakhir adalah jiwa bayang atau dipanggil *wog*. Ia sering dikaitkan dengan kesakitan seseorang disebabkan penyerangannya (Jadual 3). Bayang individu lain boleh digunakan untuk menyerang seseorang yang disasarkan. Maka atas sebab itu, ruang tempat bagi seseorang pesakit akan diletakkan dengan tirai untuk mengelakkan bayang dari orang lain yang mengandungi penyakit dan pengaruh jahat jatuh ke atasnya (Temu bual: Sharudin B. Pandak, Kampung Bersah, Pos Kuala Mu, Lasah, Sungai Siput, Perak, 22 April 2016).

Jadual 3. Konsep jiwa pada manusia dalam kepercayaan orang Temiar

Jiwa kepala	Jiwa hati	Jiwa mata	Jiwa bayang
~ Dipanggil sebagai <i>ruwai</i>	~ Dipanggil <i>jerek</i>	~Dipanggil sebagai <i>kenlok mat</i>	~ Bayang seseorang.
~ Berada di bahagian akar rambut di kepala manusia	~Terletak di bahagian hati (<i>hup</i>) dan berasosiasi dengan darah	~ Berada di bahagian bebola mata manusia	~ Dipanggil <i>wog</i>
~ Berperanan dalam mengawal dan menentukan pemikiran manusia	~ Berperanan untuk mengawal hati dan emosi manusia	~ Berfungsi memberi dan mengawal penglihatan manusia	~ Boleh digunakan untuk menyerang orang lain
~Boleh meninggalkan tubuh seseorang misalnya sewaktu tidur	~ Juga mengawal keupayaan fungsi keseluruhan tubuh badan kerana ia	~Juga berfungsi untuk membolehkan manusia menggunakan tubuh badan dan kemahiran	~ Apabila seseorang meninggal dunia, jiwa bayang tetap berada di kubur dan dipanggil <i>yet</i> .

dan dalam keadaan khayal.	berasosiasi dengan darah dan juga nafas	mereka secara seluruhnya	~ Gemar mengganggu orang yang masih hidup terutamanya kanak-kanak
~Berciri manusia	fizikal ~Meninggalkan tubuh seseorang apabila ia meninggal dunia.	~ Fungsi peringkat tinggi, boleh melihat makhluk dan alam ghaib	
~ Bersifat bermain	suka ~Bertukar menjadi harimau apabila seseorang itu meninggal dunia.	~ Apabila meninggal dunia, jiwa mata bertukar menjadi batu berwarna putih yang dipanggil sebagai <i>batu tarolew</i>	
~ Serangan semangat di bahagian jiwa ini dipanggil <i>reyway</i>	~Bersifat bahaya	~Berada di kawasan kaki gunung berbatu iaitu <i>batu tangkal</i> .	
~ Apabila meninggal dunia, ruwai pergi ke <i>Taman Redhu</i>	~Serangan penyakit semangat di bahagian jiwa ini dipanggil <i>pacog</i> dan <i>tenarok</i>		
	~ Apabila meninggal dunia, <i>jerek</i> orang biasa yang menjadi harimau akan merayau di kuburnya manakala <i>jerek balak</i> yang menjadi harimau akan ke kaki gunung (<i>sarak</i>)	~ Gemar mengembara di dunia manusia tetapi kadangkala ke <i>Taman Redhu</i>	
	. Tempat tersebut dipanggil <i>Batu Balo</i>		

Bagi kumpulan masyarakat Orang Asli lain juga mereka turut mempercayai dan mempunyai konsep jiwa masing-masing. Orang Batek mempercayai bahawa pada manusia mempunyai jiwa yang terletak di bahagian hati atau *kelanges* (Endicott 1979:89). Selain itu, menurut orang Batek, terdapatnya juga yang dipanggil jiwa angin kehidupan yang mana jiwa inilah membolehkan manusia dan haiwan hidup. Ia dimanifestasikan menerusi nafas dan suara manusia (Endicott 1979). Sama seperti orang Temiar, orang Batek juga mempunyai jiwa bayang. Jika jiwa bayang tersebut jatuh ke atas badan orang lain, dipercayai individu itu akan jatuh sakit seperti demam.

Jiwa bayang orang Batek dipercayai boleh meninggalkan tubuh badan seseorang. Ia boleh dilihat di dalam mimpi dan juga sewaktu seseorang itu dalam keadaan khayal (Endicott 1979). Jiwa bayang ini juga boleh dengan sengajanya dihantar ke mana-mana bahagian di alam semesta ini terutamanya sewaktu seseorang itu dalam keadaan berkhayal di dalam upacara amal yang melibatkan nyayian dan tarian. Ia keluar dari tubuh seseorang dan melakukan pengembaraan dengan cara berterbangan atau juga boleh dibawa oleh asap kemenyan, angin atau *halak asal* (Endicott 1979:145). Jiwa bayang ini juga boleh berubah menjadi harimau.

Disamping itu pula, bagi jiwa bayang *halak*, ia boleh bertemu dengan *halak asal* yakni merupakan *halak* terdahulu. Terdapat banyak manfaat apabila jiwa bayang *halak* mengembara bertemu *halak asal* iaitu antaranya *halak* tersebut boleh meminta sebarang maklumat dan bantuan yang diperlukannya sebagai seorang shaman yang mahu menyelesaikan sesuatu masalah dalam masyarakatnya. Bagi *halak* ia boleh mengawal dan menentukan pertemuan jiwa bayangnya dengan *halak asal* bahkan boleh menanyakan sebarang perkara mengikut keinginannya disebabkan hubungan ia dengan *halak asal* adalah seumpama kawan (Endicott 1979:145). Berbeza pula dengan jiwa bayang orang biasa yang tidak boleh menentukan sendiri pengembaraannya dan bahkan juga untuk bertemu dengan *halak asal*.

Disamping itu, bagi orang Jahai juga mereka mempercayai konsep jiwa yang dipanggil sebagai *ruwai*. Menurut orang Jahai, *ruwai* memberikan nafas dan kehidupan bagi makhluk di dunia (Hamid 2015:249). Bagi orang Jahai, *ruwai* bagi *balak* dipercayai tidak pergi ke alam pulau buah-buahan. Sebaliknya ia akan bertukar menjadi *cinmoi* iaitu semangat atau makhluk halus yang akan membantu masyarakat (Hamid 2015:250).

Manakala bagi orang Semai pula, kepercayaan jiwa mereka terdiri daripada *ruai* yang merujuk jiwa, *kaloog* merujuk semangat, *sangiid* merujuk fikiran, *labam* merujuk nafas, *sakoo* merujuk aura dan nadi merujuk denyutan arteri. *Sangiid* dipercayai terletak di hati dan diekspresikan menerusi nafas atau *labam*. *Sakoo* pula adalah ekspresi wajah seseorang yang berada dalam kesihatan baik dan kuat. Nadi pula dipercayai mereka terletak di bahagian kiri payu dara (Dentan 1968:82). Secara analoginya, konsep jiwa orang Semai ini boleh difahami menerusi fungsi komponen sebuah kereta. *Ruai* sebagai bateri, *kaloog* sebagai pemandu, *sangiid* sebagai yang mengerakkan enjin, *labam* sebagai minyak petrol, *sakoo* seumpama warna cat kereta dan nadi seumpama meter kelajuan (Dentan 1968:82).

Selanjutnya, kepercayaan jiwa dalam orang Chewong juga dipanggil *ruwai*. Sepertimana orang Temiar, orang Chewong mempercayai bahawa *ruwai* merupakan jiwa kehidupan kepada manusia, haiwan dan tumbuhan. Misalnya, mereka mempercayai bahawa semua spesies pokok mempunyai *ruwai*. Bahkan pada masa dahulu, mereka mempercayai semua pokok boleh bercakap. Pokok dikatakan boleh menangis kesakitan apabila ia ditebang. Maka atas kesedaran dan penghormatan mereka terhadap *ruwai* pokok, nenek moyang mereka pada masa lampau tidak melakukan kegiatan penerokaan dan pembukaan hutan tetapi hanya melakukan kegiatan meramu sahaja (Howell 1984:132). *Ruai* juga pada mereka boleh berfungsi sebagai pembimbing semangat terutamanya kepada *shaman* (Howell 1984:138).

Bagi orang Semelai pula, mereka mempercayai bahawa manusia mempunyai tujuh jenis jiwa berbeza. Apabila seseorang itu berkeadaan sihat, ini menunjukkan bahawa ketujuh-tujuh jiwa tersebut adalah dalam berkeadaan baik. Enam daripada jiwa tersebut terdapat pada tubuh badan seseorang manakala yang satu lagi adalah terletak jauh iaitu di langit yang dipanggil sebagai *Panjanggan*. Di *Panjanggan*, jiwa manusia diwakili dalam bentuk buah dan sayur iaitu bagi bahagian kepala ia diwakili dengan timun dan labu, jari dengan pisang, payu dara atau dada dengan tunas pisang, siku dengan tebu dan mata dengan limau (Hood 1979:112). Salah satu daripada tujuh jiwa ini iaitu *Bayang Bongsuke* dipercayai adalah kekal di mana apabila seseorang itu meninggal dunia, ia akan keluar dari tubuh badan dan tetap tinggal di dunia ini bersama yang masih hidup. Jiwa *Bayang Bongsuke* ini berada di berdekatan dengan hati manusia atau dipanggil sebagai *geres* (Hood 1979:111). Secara umumnya, orang Semelai merujuk jiwa sebagai *semengot*, bayang atau bayang *semengot*. Jiwa ini disamakan dengan bayang maka dengan itu ia juga dipanggil sebagai jiwa bayang. Selain jiwa bayang terdapat juga jiwa angin kehidupan yang dipanggil sebagai *abum* (Hood 1979:111). Ia memberikan kehidupan kepada semua makhluk. Manakala istilah *riwai* pula ia selalunya merujuk kepada jiwa seseorang yang sakit yang mana memerlukan khidmat *pyang* untuk menjalankan upacara amal *belian* bagi membawa pulang dan menyembuhkan *riwai* seseorang yang hilang dan sakit (Hood 1979:111).

Seterusnya, konsep jiwa orang Temuan pula dipanggil sebagai nafas pinjam bagi manusia (Jadual 4). Ia berbeza dengan nafas beli sepertimana yang dipunyai oleh moyang-moyang Temuan dahulu yang mana membolehkan mereka memperoleh konsep kelahiran semula (Temu bual: Rulele B Dollah, Kampung Sungai Mering, 3 Julai 2012). Maka atas sebab itu, manusia kelakny akan mati disebabkan hanya memiliki nafas pinjam. Moyang-moyang terdahulu dipercayai boleh mengetahui saat waktu kematian mereka. Lazimnya apabila mereka mencecah umur sekitar 70 tahun, maka ini adalah saat kematian bagi moyang terdahulu. Oleh itu, moyang terdahulu akan membungkus diri mereka sendiri di dalam tikar mengkuang yang dianyam sendiri oleh mereka dan kemudian menggulungkan diri mereka pada tikar mengkuang tersebut. Setelah mayat moyang terdahulu berada dalam gulungan tikar mengkuang selama seminggu, maka mayat moyang akan bertukar menjadi bayi kecil dan memulakan penghidupan yang baru di muka bumi (Temu bual: Lompat B. Bujang, Kampung Sungai Mering, 3 Julai 2012). Antara moyang terdahulu orang Temuan adalah *Moyang Lengong*, kedua *Moyang Lenggung*, ketiga *Moyang Kesang*, keempat *Moyang Deli* dan yang terakhir adalah

Moyang Bongsu (Temu bual: Rulele B. Dollah, Kampung Sungai Mering, 3 Julai 2012). Setelah zaman moyang ini, kesemua manusia adalah memiliki hanya nafas pinjam.

Jadual 4. Konsep jiwa dalam kepercayaan kumpulan masyarakat Orang Asli lain

SUKU KAUM	KETERANGAN
Orang Batek	<ul style="list-style-type: none"> ~ Manusia mempunyai jiwa yang terletak di bahagian hati atau <i>kelanges</i> ~ Terdapat juga jiwa angin kehidupan yang mana jiwa inilah membolehkan manusia dan haiwan hidup. ~ Ia dimanifestasikan menerusi nafas dan suara manusia. ~ Juga terdapat jiwa bayang yang jika bayang tersebut jatuh ke atas badan orang lain, dipercayai individu itu akan jatuh sakit seperti demam ~ Jiwa bayang boleh meninggalkan tubuh badan seseorang ~ Ia boleh dilihat di dalam mimpi dan juga sewaktu seseorang itu dalam keadaan khayal
Orang Jahai	<ul style="list-style-type: none"> ~ Dipanggil sebagai <i>rumai</i> ~ <i>Rumai</i> memberikan nafas dan kehidupan bagi makhluk di dunia ~ Apabila mati, <i>rumai</i> bagi <i>halak</i> akan bertukar menjadi <i>cinnoi</i> iaitu semangat atau makhluk halus yang akan membantu masyarakat
Orang Semai	<ul style="list-style-type: none"> ~ Terdapat 5 konsep jiwa ~ <i>Ruai</i> yang merujuk jiwa, ~ <i>Kaloog</i> merujuk semangat ~ <i>Sangiid</i> merujuk fikiran ~ <i>Labam</i> merujuk nafas ~ <i>Sakoo</i> merujuk aura ~ Nadi merujuk denyutan arteri
Orang Chewong	<ul style="list-style-type: none"> ~ Dipanggil sebagai <i>rumai</i> ~ <i>Rumai</i> merupakan jiwa kehidupan kepada manusia, haiwan dan tumbuhan. ~ Juga berfungsi sebagai pembimbing semangat terutamanya kepada shaman
Orang Semelai	<ul style="list-style-type: none"> ~ Jiwa dirujuk sebagai <i>semengot</i>, bayang atau <i>bayang semengot</i>. ~ Jiwa disamakan dengan bayang, maka ia juga dipanggil sebagai jiwa bayang ~ Manusia mempunyai 7 jenis jiwa ~ 6 daripada jiwa tersebut terdapat pada tubuh badan ~ Manakala yang 1 lagi adalah terletak jauh iaitu di langit yang dipanggil sebagai <i>Panjangan</i> ~ Di <i>Panjangan</i>, jiwa manusia diwakili dalam bentuk buah dan sayur iaitu bagi bahagian kepala ia diwakili dengan timun dan labu, jari dengan pisang, payu dara atau dada dengan tunas pisang, siku dengan tebu dan mata dengan limau ~ Terdapat juga jiwa angin kehidupan yang dipanggil <i>ahum</i> ~ Ia memberikan kehidupan kepada semua makhluk ~ Salah satu jiwa dipanggil Jiwa <i>Bayang Bongsuk</i>. ~ Jiwa <i>Bayang Bongsuk</i> ini berada di berdekatan dengan hati manusia atau dipanggil sebagai <i>geres</i> ~ <i>Rivai</i> pula merujuk kepada jiwa seseorang yang sakit
Orang Temuan	<ul style="list-style-type: none"> ~ Dipanggil sebagai nafas pinjam bagi manusia kini ~ Dahulunya nenek moyang Temuan memiliki nafas beli yang membolehkan mereka memperoleh konsep kelahiran semula ~ Disebabkan manusia kini hanya memiliki nafas pinjam, maka mereka akan mati.

Daripada perbincangan di atas dapat dilihat secara tidak langsung menunjukkan bahawa perkataan *rumai* merupakan perkataan popular dalam kebanyakan kumpulan Orang Asli terutamanya yang bertutur bahasa Mon Khmer. Hal ini dapat dilihat misalnya menerusi catatan Skeat dan Blagden (1906:720) berhubung masyarakat Negrito di Perak dengan perkataan *ro-wai*, catatan Dentan (1968:82)

dan Couillard (1979:129) dengan perkataan *ruai* untuk orang Semai dan Jah Hut, catatan Endicott (1979:96) dengan perkataan *reway* untuk orang Mendrik dan orang Batek, catatan Hood (1979:111) dengan perkataan *rivai* bagi orang Semelai manakala catatan Howell (1984) dengan perkataan *ruvai* untuk orang Chewong. Perkataan *ruvai* ini secara literalnya membawa maksud jiwa. Perkataan *ruvai* ini secara umumnya boleh disimpulkan mempunyai dua makna iaitu sebagai prinsip asas kepada kehidupan manusia juga haiwan dan tumbuhan dan sebagai prinsip asas dalam membentuk dan membolehkan pemikiran, perhubungan dan tindakan manusia iaitu sebagai suatu perkara yang bercirikan spiritual dalam tubuh fizikal manusia.

Jiwa Bukan Manusia

Selain unsur jiwa manusia, orang Temiar juga mempercayai tentang unsur jiwa bukan manusia. Hal ini kerana, orang Temiar turut mempercayai bahawa hidupan selain manusia di dunia ini juga mempunyai jiwa masing-masing. Bagi haiwan, jiwanya dipanggil sebagai *kahyek*, tumbuhan dipanggil sebagai *kahyek* dan gunung pula dipanggil sebagai *puteri* (Temu bual: Jamal B. Ngah, Kampung Toh, Pos Kuala Mu, Lasah, Sungai Siput, Perak, 1 Mei 2016). Bagi gunung, adakalanya jiwanya dipanggil sebagai *menteri* (Jennings 1995:105). Orang Temiar kadangkalanya merujuk jiwa kepala atau jiwa atas bagi gunung sebagai *menteri kui* yang bermaksud menteri bagi kepala (Benjamin 2014:121). *Kahyek* haiwan terletak di bahagian kepala, *kahyek* tumbuhan merujuk pada getahnya dan terletak pada daun dan *puteri* gunung pula terletak di puncak gunung (Temu bual: Jamal B. Ngah, Kampung Toh, Pos Kuala Mu, Lasah, Sungai Siput, Perak, 1 Mei 2016). Unsur jiwa ini adalah mempunyai fungsi yang sama dengan jiwa kepala atau *ruvai* bagi manusia. Disamping itu, persamaan dapat dilihat iaitu unsur jiwa bukan manusia dari segi kedudukannya mengambil tempat di bahagian atas posisinya iaitu *kahyek* haiwan di bahagian kepala, *kahyek* tumbuhan di bahagian daun dan *puteri* gunung di bahagian puncaknya.

Sementelahan itu, sebab seseorang itu kehilangan *ruvainya* adalah disebabkan *ruvainya* dicuri oleh pengaruh jiwa *kahyek* tumbuhan (Temu bual: M. Rafii B. Pandak, Kampung Kuala Mu, Pos Kuala Mu, Lasah, Sungai Siput, Perak, 5 Mei 2016). Tumbuhan dalam masyarakat Temiar dibahagikan kepada tiga jenis iaitu *canak* yang merujuk tanaman makanan ruji, *boot selai* yang merujuk bunga yang ditanam dan *barak* yang merujuk buahan bermusim sama ada buah liar ataupun buah ditanam. *Canak asal* adalah tanaman makanan seperti tebu, pisang, keladi, sekoi dan keledak (Temu bual: M. Rafii B. Pandak, Kampung Kuala Mu, Pos Kuala Mu, Lasah, Sungai Siput, Perak, 5 Mei 2016).

Antara sebab *kahyek* tumbuhan daripada *canak asal* ini mencuri *ruvai* manusia adalah disebabkan seseorang itu telah membuang tumbuhan makanan ini ke dalam sungai. Perkara yang sama juga adalah dilarang bagi tumbuhan yang diklasifikasikan sebagai *boot selai* yang lazimnya digunakan sebagai hiasan dekorasi dalam upacara amal. Bagi tumbuhan *boot selai* ini, ia adalah dilarang dibuang ke dalam sungai dan juga dibakar (Temu bual: M. Rafii B. Pandak, Kampung Kuala Mu, Pos Kuala Mu, Lasah, Sungai Siput, Perak, 5 Mei 2016). Jika ianya tidak lagi digunakan, maka lazimnya, tumbuhan *boot selai* ini akan dibiarkan layu sehingga mati secara semulajadi. Manakala bagi tumbuhan *barak* iaitu pokok buahan bermusim juga tidak boleh dibakar, dihanyutkan di dalam sungai dan ditebang. Bahkan buahnya juga tidak boleh dibuang ke sungai atau dibakar (Temu bual: M. Rafii B. Pandak, Kampung Kuala Mu, Pos Kuala Mu, Lasah, Sungai Siput, Perak, 5 Mei 2016). Disebabkan kemarahan *kahyek* tumbuhan tersebut, maka *kahyek* tumbuhan itu mengambil *ruvai* si pesalah dan membawanya ke tempat habitatnya (Temu bual: Ropli B. Long, Kampung Bersah, Pos Kuala Mu, Lasah, Sungai Siput, Perak, 7 Mei 2016).

Antara sebab lain adalah seperti seseorang yang kononnya berlagak seperti *halak*, maka *kahyek* tersebut cuba menguji dengan mengambil *ruvai* orang tersebut untuk melihat sama ada orang tersebut boleh mengambil kembali *ruvainya* atau pun tidak (Temu bual: M. Rafii B. Pandak, Kampung Kuala Mu, Pos Kuala Mu, Lasah, Sungai Siput, Perak, 5 Mei 2016). Seandainya tidak boleh, maka orang itu akan jatuh sakit dan terpaksa mencari *halak* sebenar untuk mendapatkan kembali *ruvainya*. Manakala bagi kanak-kanak pula adakalanya, *ruvainya* diambil disebabkan salah satunya mungkin kanak-kanak tersebut kelak bakal menjadi *halak* yang boleh mengancam kedudukan *kahyek* tersebut. Disebabkan

hal itu, *kahyék* mahukan budak tersebut mati (Temu bual: Ismail B. Busu, Kampung Toh, Pos Kuala Mu, Lasah, Sungai Siput, Perak, 6 Mei 2016).

Di sini, *kahyék* tumbuhan tersebut akan mengajak *rumai* manusia itu bermain-main sehingga ia leka dan lupa untuk pulang ke jasad seseorang itu. Tanda seseorang itu diambil *rumainya* oleh *kahyék* tumbuhan misalnya buah perah adalah seperti tidak selera makan, tidak bermaya, muram, sentiasa senyap, selalu tidur dan tidak suka bermain (Temu bual: Sharudin B. Pandak, Kampung Bersah, Pos Kuala Mu, Lasah, Sungai Siput, Perak, 7 Mei 2016). Oleh itu, untuk memulihkan keadaan ini, maka *halak* akan cuba mencari dan membawa kembali *rumai* tersebut kepada si pesakit. Keadaan menjadi sukar jika *kahyék* tumbuhan itu membawa *rumai* pesakit kepada *Tanig* iaitu hantu tanah (Temu bual: Sharudin B. Pandak, Kampung Bersah, Pos Kuala Mu, Lasah, Sungai Siput, Perak, 7 Mei 2016). Jika hal ini terjadi, khidmat *halak rayak* adalah diperlukan bagi memulihkan keadaan ini.

Selanjutnya, jika manusia mempunyai jiwa hati yang dipanggil *jerek*, maka bagi spesis yang bukan manusia, ia turut mempunyai jiwa tersebut. Jiwa tersebut dipanggil sebagai *kenarok* bagi haiwan dan tumbuhan manakala *sarak* bagi gunung (Temu bual: Ropli B. Long, Kampung Bersah, Pos Kuala Mu, Lasah, Sungai Siput, Perak, 7 Mei 2016) (Jadual 5). Ia terletak di bahagian akar bagi pokok dan bawah tanah di kaki gunung bagi gunung. Bagi orang Batek pula, jiwa haiwan adalah terletak di bahagian hati manakala pada tumbuhan pula terletak di bahagian tisuanya (Endicott 1979:89).

Jadual 5. Konsep jiwa dalam kepercayaan orang Temiar

Ciri	Manusia	Haiwan	Tumbuhan	Gunung
Jiwa atas	<i>Rumai</i>	<i>Kahyék</i>	<i>Kahyék</i>	<i>Puteri</i>
Kedudukan jiwa atas	Rambut di kepala	Kepala	Daun dan getah	Puncak gunung
Jiwa bawah	<i>Jerek</i>	<i>Kenarok</i>	<i>Kenarok</i>	<i>Sarak</i>
Kedudukan jiwa bawah	Hati dan darah	Hati dan darah	Akar	Bawah tanah di kaki gunung

Sama seperti *jerek* manusia, unsur *kenarok* dan *sarak* ini dipercayai boleh bermetamorfosis menjadi harimau. Bagi pokok, *kenaroknya* boleh meninggalkan akar pokoknya dan bertukar menjadi harimau. *Kenarok* ini sangat ditakuti kerana dipercayai ia boleh memakan manusia disebabkan kecuaiannya manusia terhadap tumbuhan dan pokok. Antaranya seperti perbuatan manusia yang mengutuk dan memaki sebarang pokok apabila tersandung akarnya dan juga apabila menebangnya tanpa adab yang betul (Temu bual: M. Rafii B. Pandak, Kampung Kuala Mu, Pos Kuala Mu, Lasah, Sungai Siput, Perak, 5 Mei 2016). Bagi tumbuhan yang diklasifikasikan sebagai *barak* iaitu pokok buah, *kenaroknya* apabila berubah menjadi harimau adalah dalam keadaan saiz normal harimau. Namun bagi tumbuhan kategori *boot selai* seperti bunga nilam dan *carokék* yang biasanya digunakan *halak* dalam upacara amalnya, dikatakan *kenaroknya* akan berubah menjadi harimau dalam saiz yang berperingkat-peringkat iaitu dari kecil hingga ke besar (Temu bual: Hamid B. Pandak, Kampung Bersah, Pos Kuala Mu, Lasah, Sungai Siput, Perak, 8 Mei 2016). Perkara yang sama juga terjadi pada pokok rotan *ajel* dan rotan manar yang mana *kenaroknya* berubah menjadi harimau yang berwarna kelabu berbelang-belang (Temu bual: Tirmizi B. Long, Kampung Bersah, Pos Kuala Mu, Lasah, Sungai Siput, Perak, 8 Mei 2016). Secara umumnya, gangguan dari *kenarok* tumbuhan ini adalah disebabkan perbuatan layanan manusia ke atas mereka yang tidak menghormati mereka misalnya tidak meminta izin sewaktu menebangnya dan juga tidak menjaga adab sewaktu pekerjaan tersebut dilakukan (Temu bual: Sharudin B. Pandak, Kampung Bersah, Pos Kuala Mu, Lasah, Sungai Siput, Perak, 7 Mei 2016).

Disamping itu, *kenarok* haiwan juga boleh berubah menjadi harimau. Misalnya seperti jenis ikan berwarna merah yang mana ia boleh menjadi harimau yang bersaiz kijang. Bagi *sarak* gunung pula, *saraknya* sering berubah menjadi harimau dan keluar daripada sarangnya yang terletak di kaki gunung pada waktu malam. Setiap gunung dipercayai mempunyai beberapa *sarak* harimau. Dalam segala jenis jiwa, jiwa *sarak* gunung adalah paling ditakuti kerana ia mempunyai banyak *sarak* harimau berbanding dengan jiwa yang lain. Saiz *sarak* gunung yang menjadi harimau juga dikatakan lebih besar berbanding

dengan yang lain dengan warna belangnya yang pelbagai iaitu antaranya berbelang hitam putih (Temu bual: Tirmizi B. Long, Kampung Bersah, Pos Kuala Mu, Lasah, Sungai Siput, Perak, 8 Mei 2016). *Sarak* ini dipercayai lebih garang dan ganas. Ia gemar merayau-rayau di kawasan pedalaman dan terpencil pada waktu malam (Jennings 1995:105).

Jiwa Orang Temiar

Berdasarkan perbincangan di atas, dapat dilihat dalam bentuk kepercayaan orang Temiar, unsur jiwa dan semangat merupakan perkara penting dalam membentuk animisme mereka. Dua unsur ini tidak berdiri sebagai berbeza tetapi berhubung antara satu sama lain (Evans-Pritchard 1965:26). Di dalam jiwa terkandungnya semangat yang mana semangat adalah merupakan jiwa yang diikat.


Selain itu, konsep jiwa orang Temiar boleh dilihat dalam dua ciri yang bertentangan dengan berdasarkan kepada beberapa konteks iaitu konteks moral, kosmik dan paksi kedudukan. Jika dari konteks moral ia melibatkan ciri baik dan jahat, konteks kosmik melibatkan ciri budaya dan alam semulajadi manakala konteks paksi kedudukan melibatkan ciri paksi atas dan bawah. Dari konteks moral, jika jiwa dan semangat adalah diikat, maka ia akan memberikan natijah yang baik iaitu merujuk kepada kesihatan, keselamatan dan kesucian. Sebaliknya jika jiwa dan semangat ini bebas maka ia akan menghasilkan implikasi buruk iaitu merujuk kepada tidak sihat, kehilangan, bahaya dan menakutkan.

Seterusnya dari konteks paksi kedudukan, kepercayaan jiwa orang Temiar boleh dibahagikan kepada dua paksi iaitu jiwa atas dan jiwa bawah. Jiwa atas adalah merujuk kepada *rumai* bagi manusia yang terletak di bahagian rambut di kepala, *kahyék* bagi haiwan di kepala dan tumbuhan yang terletak di daun dan *puteri* atau *menteri* bagi gunung yang terletak di bahagian puncaknya. Manakala jiwa bawah adalah merujuk kepada *jerek* bagi manusia dan haiwan yang terletak di bahagian *hup* bagi manusia dan mempunyai asosiasi dengan darah, *kenarok* bagi haiwan dan tumbuhan yang terletak di bahagian akar dan *sarak* bagi gunung yang terletak di bahagian bawah kaki gunungnya. Konteks paksi kedudukan ini adalah berhubung dengan lokasi kedudukan di mana sesuatu jiwa itu berada iaitu sama ada di bahagian atas atau bawah pada sesuatu entiti itu sama ada manusia, haiwan, tumbuhan dan gunung. Bagi jiwa atas ia menghuni kedudukan yang boleh dilihat oleh mata manusia atau juga berada di luar iaitu *rumai* di rambut dan kepala manusia, *kahyék* di kepala haiwan dan bahagian daun dan *puteri* di bahagian puncak gunung. Manakala bagi jiwa bawah ia menghuni di kedudukan yang tidak dapat dilihat oleh mata kasar manusia atau juga berada di dalam iaitu *jerek* di bahagian darah di dalam hati atau *hup* manusia, *kenarok* di bahagian hati haiwan, akar tumbuhan dan *sarak* di bahagian bawah tanah di kaki gunung.

Selanjutnya pula adalah konteks kosmik yang melibatkan ciri budaya dan alam semulajadi. Konteks ini mempunyai hubung-kait dengan konteks paksi kedudukan jiwa. Lazimnya, bagi jiwa bawah yang terdiri daripada *jerek*, *kenarok* dan *sarak* ia ditanggap sebagai jiwa yang bahaya kerana ia boleh bertukar menjadi harimau yang merupakan ciri kosmik berbentuk alam semulajadi. Jiwa bawah sering dianggap berbahaya disebabkan jiwa ini terdedah dengan serangan penyakit *pacog*. Contoh serangan penyakit *pacog* adalah serangan *kenarok* tumbuhan dalam bentuk harimau yang menyerang ke dalam *jerek* manusia di bahagian *hup* atau hatinya. Ia menyerang dengan cara akan memakan daging dan menyedut darah manusia. Manakala bagi jiwa atas seperti *rumai*, *kahyék* dan *puteri* ia ditanggap sebagai jiwa yang gemar bersuka ria dan bergembira dan sering digambarkan berupa lelaki muda atau perempuan muda ciri fizikalnya yang mana ia merupakan ciri berbentuk budaya manusia. Serangan penyakit di jiwa atas dipanggil sebagai *rewaay* yang mana ia merujuk kehilangan *rumai* seseorang disebabkan dicuri oleh misalnya *kahyék* tumbuhan. Namun apabila *kahyék* dan *rumai* ini bersama, mereka tidak menyakiti antara satu sama lain bahkan kedua-dua entiti ini bergembira, bermain dan bersuka ria dalam ciri fizikal berupa lelaki muda dan perempuan muda.

Disamping itu, dapat dilihat bagi jiwa atas iaitu jiwa kepala yang terdapat pada manusia, haiwan, tumbuhan dan gunung ia dilihat muncul sebagai bersifat biasa, domestik dan bersifat diri sendiri. Ini bersesuaian dengan gambaran fizikal yang diberikan padanya iaitu berupa berbentuk manusia sama ada lelaki atau perempuan muda. Manakala jiwa bawah yang meliputi hati, nafas, darah, akar dan

bawah tanah ia disifatkan dengan ciri aneh, liar dan sesuatu yang lain. Hal ini kerana gambaran dan sifat pada jiwa tersebut yang dimanifestasikan menerusi metamorfosis kepada harimau sehingga boleh mengancam nyawa manusia kerana serangannya ke atas manusia dengan memakan daging dan menghisap darah menerusi bahagian *hup* manusia (Rajah 1). Walaupun jiwa bawah dilihat sebagai sesuatu yang lain disebabkan implikasi buruk yang ia mampu berikan kepada manusia, namun bagi *halak* ia dapat mengawal ciri sesuatu yang lain tersebut bahkan boleh menjadi sebahagian daripadanya. Hal ini dapat dilihat apabila *halak* membebaskan jiwa hatinya dan memasuki ke dalam dunia perhubungan dengan pembimbing semangatnya, adakalanya *halak* akan menjadi sebahagian dari sesuatu yang lain tersebut sepertimana yang dizahirkan menerusi suara harimanya sewaktu ia berada dalam keadaan khayal. Perkara ini hanya dapat dilakukan oleh *halak* yang berstatus *halak rayak* kerana kemampuannya untuk berinteraksi dengan pembimbing semangatnya yang dikarakteristikkan sebagai harimau.



Rajah 1. Konsep Jiwa Orang Temiar Mengikut Konteks

Selain itu juga, konteks ini juga sebenarnya berhubung kait dengan konteks moral di mana jika serangan penyakit *rewaay* terjadi ia adalah disebabkan *ruwai* adalah bebas dan tidak lagi terikat yang dipanggil jiwa bebas, maka atas sebab itu *ruwai* seseorang itu dicuri dan menyebabkan kesakitan dan musibah kepada orang tersebut. Sebaliknya, jika semangat dan jiwa itu diikat, maka seseorang itu tidak akan mendapat sebarang musibah.

KESIMPULAN

Jelasnya, dapat difahami bahawa jiwa dan semangat merupakan elemen yang membentuk kepercayaan animisme orang Temiar. Bersesuaian dengan definisi animisme, konsep jiwa bagi orang Temiar tidak hanya terdapat pada manusia tetapi juga makhluk lain yang terdiri daripada haiwan, tumbuhan, gunung dan sebagainya. Bagi manusia terdapat empat jiwa iaitu jiwa kepala atau *ruwai*, jiwa hati atau *jerek*, jiwa mata atau *kenlok mat* dan jiwa bayang atau *wog*. Manakala bagi selain manusia seperti haiwan dan tumbuhan pula padanya terdapat jiwa yang dipanggil sebagai *kahyek* dan *kenarok* serta bagi gunung pula dikenali sebagai *puteri* dan *sarak* yang mana secara umumnya dipanggil jiwa bukan manusia. Konsep jiwa dalam orang Temiar juga boleh dibahagikan kepada jiwa atas dan jiwa bawah yang mempunyai hubungan antara satu sama lain bahkan juga saling berhubung antara jiwa manusia dan jiwa bukan manusia. Bagi konsep jiwa yang dipanggil *ruwai* juga, ia dilihat merupakan suatu ciri yang lazim dan sinonim serta kognat dalam kebanyakan masyarakat Orang Asli di Semenanjung Malaysia. *Ruwai* ini secara literalnya adalah bermaksud jiwa kehidupan. Ia merupakan prinsip asas kepada kehidupan manusia, haiwan dan tumbuhan. Selain itu, ia juga menjadi prinsip dalam membentuk dan membolehkan pemikiran, perhubungan dan tindakan manusia iaitu sebagai suatu perkara yang bercirikan spiritual dalam tubuh fizikal manusia.

Selanjutnya, dapat dilihat bahawa konsep jiwa dalam kepercayaan orang Temiar ianya adalah bercirikan bertentangan iaitu baik-jahat, budaya-alam semulajadi, atas-bawah, boleh dilihat-tidak boleh dilihat, tidak berbahaya-bahaya dan sebagainya serta dalam proses pertentangan dapat dilihat ia berhubungan dalam bentuk melahirkan antara satu sama lain, melengkapinya antara satu sama lain, menentang antara satu sama lain, bertembung antara satu sama lain dan cuba melepasi dan menguasai antara satu sama lain. Perkara ini juga menunjukkan bahawa konsep jiwa ini meskipun bertentangan tetapi dalam pada masa yang sama mempengaruhi antara satu sama lain dan seterusnya memperlengkapinya bagi menjamin kewujudan sama ada manusia, haiwan, tumbuhan dan gunung.

Konsep pertentangan ini dari satu segi bagi menentukan kestabilan dalam ruang kehidupan iaitu misalnya tanpa konteks moral jahat, maka tiada konteks moral baik. Atau juga misalnya manusia tidak dapat berdiri sebagai manusia jika ia hanya mempunyai jiwa atas atau *rumai* tanpa mempunyai jiwa bawah iaitu *jerek* dan begitulah sebaliknya. Hal yang sama juga terjadi dalam entiti lain iaitu haiwan, tumbuhan dan gunung. Hal ini sebenarnya menunjukkan bahawa hal baik mengimplikasikan hal jahat dan hal jahat juga mengimplikasikan hal baik.

Disamping itu juga, hubungan antara jiwa dengan tempat tinggalnya perlu sentiasa juga harmoni misalnya seperti *rumai* dengan rambut dan *jerek* dengan hati. Selagi jiwa berada di tempat tinggalnya, maka perjalanan kehidupan akan sentiasa tenang tanpa sebarang gangguan. Hubungan jiwa dan tempat tinggalnya adalah bagi menjamin kesinambungan dan kestabilan jasmani dan rohani seseorang. Cuma ketenangan tersebut akan terganggu apabila jiwa tersebut keluar atau tidak berada di tempat tinggalnya seperti *rumai* yang dicuri atau hilang disebabkan serangan penyakit *rewaay* atau serangan *pacog* yang memakan daging dan menghisap darah manusia. Serangan ini adalah disebabkan jiwa tumbuhan iaitu *kabyek* telah terbebas dan menjadi semangat invasif iaitu semangat yang menyerang manusia dengan mencuri *rumai* manusia atau jiwa *kenarok* terbebas dan menjadi semangat yang memakan daging dan menghisap darah manusia. Hal ini juga menunjukkan bahawa serangan semangat boleh terjadi sama ada dari jiwa atas seperti *kabyek* atau jiwa bawah seperti *kenarok*.

Namun bezanya, serangan semangat yang berasal dari jiwa bawah adalah mengimplikasikan kesan yang lebih bahaya daripada serangan semangat yang berasal dari jiwa atas. Serangan semangat dari jiwa bawah adalah dengan cara jiwa tersebut bertukar menjadi semangat dengan memakai rupa harimau dan berikutnya menyerang manusia. Kehilangan jiwa seseorang disebabkan penyerangan semangat dari suatu entiti lain seperti haiwan dan tumbuhan akan memberikan implikasi dalam bentuk kesakitan. Maka individu tersebut akan mengalami kesakitan dan musibah dan atas sebab itu, campur tangan shaman diperlukan bagi memulihkan kembali keharmonian dan ketenangan tersebut. Oleh demikian, jiwa yang hilang perlu dipanggil kembali untuk disembuhkan oleh shaman atau *halak*. Dalam usaha ini juga *halak* memerlukan perjalanan upacara amal untuk mengenal pasti semangat yang menyerang, mengenal pasti ke mana jiwa itu menghilang, memanggil kembali jiwa dan menyembuhkan jiwa. Disamping itu juga, secara umumnya, kehilangan jiwa merupakan antara faktor umum dalam kebanyakan tradisi masyarakat Orang Asli yang menyebabkan kepada berlakunya kesakitan.

PENGHARGAAN

Terima kasih yang tidak terhingga diucapkan kepada pelbagai pihak sewaktu kajian ini dijalankan. Pertamanya, terima kasih kepada masyarakat Orang Temiar khususnya di Pos Kuala Mu, Lasah, Sungai Siput, Perak di atas segala bantuan, kerjasama dan maklumat yang diberikan berhubung budaya masyarakat mereka. Keduanya, terima kasih kepada warga Sekolah Pos Kuala Mu atas bantuan yang diberikan. Ketiganya, terima kasih kepada pihak Pusat Penyelidikan Arkeologi Global USM, Institut Siswazah USM dan Universiti Sains Malaysia di atas sokongan ke atas kajian ini. Keempatnya terima kasih kepada pihak Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) di atas kebenaran melakukan kajian ini. Kelimanya terima kasih kepada guru Dr Hamid Mohd Isa dan Prof Dato' Dr Mokhtar Saidin di atas bimbingan, didikan dan tunjuk ajar. Keenamnya terima kasih kepada Prof Madya Dr Zuliskandar Ramli kerana sudi untuk menerbitkan artikel ini. Ketujuhnya terima kasih kepada keluarga dan kawan-kawan. Terima kasih semua atas segalanya.

RUJUKAN

- Agus Aris Munandar. 2007. Situs Sindangbarang Bukti Kegiatan Keagamaan Masyarakat Kerajaan Sunda (Abad 13-15 M): *Laporan Hasil Penelitian Awal Bogor*. Departemen Arkeologi FIB-UI.
- Benjamin, G. 1967. *Temiar Religion*. Tesis PhD. University of Cambridge.
- Benjamin, G. 2012. The Peculiar History of the Ethnonym “Temiar”. *Journal of Social Issues in Southeast Asia* 27: 205-233.
- Benjamin, G. 2014. *Temiar Religion 1964-2012: Enchantment, Disenchantment and Re-enchantment in Malaysia's Uplands*. Singapore: NUS.
- Couillard, M.A. 1979. A Jah Hut Community and Its Wood Carvings. *Federation Museums Journal* 24: 125-141.
- Dentan, R.K. 1968. *The Semai: A Non Violent People of Malaya*. New York: Holt, Reinhart and Winston.
- Dupre, W. 1975. *Religion in Primitive Cultures: A Study in Ethnophilosophy*. Mouton: Mouton & Co.
- Endicott, K (1979). *Batek Negrito Religion: The World View and Rituals of A Hunting and Gathering People of Peninsular Malaysia*. Oxford: Oxford University Press.
- Evans-Pritchard, E.E. 1965. *Theories of Primitive Religion*. Oxford: Clarendon Press
- Freud, S. 1950. *Totem and Taboo: Some Points of Agreement between the Mental Lives of Savages and Neurotics*. London: Routledge & Kegan Paul.
- Hamid Mohd Isa 2015. *Kelangsungan dan Kelestarian Pemburu Pemungut Kontemporari Jabai di Hutan Hujan Tropika Belum-Temenggor*. Tesis PhD. Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.
- Hood Salleh. 1979. The Cultural Context of Semelai Trance. *Federation Museums Journal Volume 24*: 107-121.
- Howell, S. 1984. *Society and Cosmos: Chevong of Peninsular Malaysia*. Singapore: Oxford University Press.
- Jennings, S. 1995. *Theatre, Ritual and Transformation: The Snoi Temiars*. London: Routledge.
- Lowie, R.H. 1948. *Primitive Religion*. New York: Liveright Publication Corporation.
- Skeat, W.W. 1900. *Malay Magic*. London: Macmillan.
- Skeat, W.W. dan Blagden, C.O. 1906. *Pagan Races of the Malay Peninsula Volume 1*. London: Frank Cass & Co. Ltd.
- Skeat, W.W. dan Blagden, C.O. 1906. *Pagan Races of the Malay Peninsula Volume 2*. London: Frank Cass & Co.Ltd.
- Stewart, K. 1947. *Magico-Religious Belief and Practices in Primitive Society: A Sociological Interpretation of Their Therapeutic Aspects*. Tesis PhD. London School of Economics.
- Tylor, E.B. 1871. *Primitive Culture*. London: J.Murray.
- Tylor, E.B. 1974. *Primitive Culture: Researches into the Development of Mythology, Philosophy, Religion, Art and Custom*. New York: Gordon Press.

SENARAI TEMU BUAL

- Hamid B. Pandak, Kampung Bersah, Pos Kuala Mu, Lasah, Sungai Siput, Perak, 14 November 2014
- Ismail B. Busu, Kampung Toh, Pos Kuala Mu, Lasah, Sungai Siput, Perak, 20 November 2014
- Jamal B. Ngah, Kampung Toh, Pos Kuala Mu, Lasah, Sungai Siput, Perak, 1 Mei 2016
- Kulup B. Alang, Kampung Toh, Pos Kuala Mu, Lasah, Sungai Siput, Perak, 20 November 2014
- Lompat B. Bujang, Kampung Sungai Mering, Muar, Johor, 3 Julai 2012
- M.Rafii B. Pandak, Kampung Kuala Mu, Pos Kuala Mu, Lasah, Sungai Siput, Perak, 18 April 2016
- Ngah B. Long, Kampung Toh, Pos Kuala Mu, Lasah, Sungai Siput, Perak, 20 November 2014
- Pandak B. Alang, Kampung Gapeh Hilir, Pos Kuala Mu, Lasah, Sungai Siput, Perak, 20 April 2016
- Rulele B Dollah, Kampung Sungai Mering, Muar, Johor, 3 Julai 2012
- Ropli B. Long, Kampung Bersah, Pos Kuala Mu, Lasah, Sungai Siput, Perak, 7 Mei 2016
- Sharudin B. Pandak, Kampung Bersah, Pos Kuala Mu, Lasah, Sungai Siput, Perak, 22 April 2016
- Tirmizi B. Long, Kampung Bersah, Pos Kuala Mu, Lasah, Sungai Siput, Perak, 8 Mei 2016

Amir Ahmad
Calon Doktor Falsafah
Pusat Penyelidikan Arkeologi Global
Universiti Sains Malaysia
11800 USM
Pulau Pinang
Email: ruhihayat@gmail.com

Hamid Mohd Isa (PhD)
Mantan Pensyarah
Pusat Penyelidikan Arkeologi Global
Universiti Sains Malaysia
11800 USM
Pulau Pinang
Email: salikbiwono@gmail.com

Mokhtar Saidin (PhD)
Profesor/Pengarah
Pusat Penyelidikan Arkeologi Global
Universiti Sains Malaysia
11800 USM
Pulau Pinang
Email:mmokh@usm.my